



**JABATAN BENDAHARI**  
**BURSAR'S OFFICE**  
Universiti Utara Malaysia  
06010 UUM SINTOK  
KEDAH DARUL AMAN  
MALAYSIA



Tel: 604-928 3200/3260/3256  
Faks (Fax): 604-928 3299  
Laman Web (Web): www.bendahari.uum.edu.my

---

## MUAFAKAT KEDAH

Ruj. Kami: BEND20161024-KB1974  
Tarikh: 7 November 2016

### **SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2016**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Semua Penjawat dan Pegawai  
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato' Seri/Prof/Dr/Tuan/Puan,

### **PINDAAN PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2016 - DASAR PEMBIAYAAN PEMBELIAN ALAT TELEKOMUNIKASI MUDAH ALIH DAN PEMBAYARAN ELAUN TELEFON KEPADA PENJAWAT DAN PEGAWAI DI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada kakitangan universiti tentang pindaan ke atas Pekeliling Bendahari Bil. 6/2016 yang bertarikh 1 September 2016.
3. Universiti melalui Mesyuarat JPU Ke-229 Bil. 14/2016 bertarikh 16/10/2016 telah bersetuju supaya Perkara 6, 15, 16 dan 19, Pekeliling Bendahari Bil. 6/2016 dipinda seperti berikut:

#### **Perkara 6**

Pegawai dan penjawat boleh membeli alat telekomunikasi daripada mana-mana syarikat alat telekomunikasi dan membuat tuntutan bayaran balik pembiayaan pembelian terhad kepada Jadual 1, Pekeliling Bendahari Bil.6/2016.

#### **Perkara 15**

Pembayaran elaun telefon kepada semua penjawat dan pegawai **kecuali** Pemandu Kenderaan Rasmi Universiti adalah tertakluk kepada langganan Pakej Korporat Talian Mudah Alih yang sedang berkuatkuasa.

#### **Perkara 16**

- a) Syarat-syarat kelayakan pembayaran Elaun Telefon turut dipanjangkan kepada semua Setiausaha/Pembantu Setiausaha kepada Timbalan Ketua Pusat Tanggungjawab sebanyak RM150.00 sebulan dengan syarat-syarat yang sama seperti dikenakan kepada pegawai dan penjawat yang lain.

---

Universiti Pengurusan Terkemuka  
*The Eminent Management University*



- b) Pembayaran Elaun Telefon kepada Pengawal Keselamatan di Unit Siasatan diselaraskan kepada RM80.00 sebulan dengan syarat-syarat yang sama seperti dikenakan kepada pegawai dan penjawat yang lain.
- c) **Jadual 2 - Kadar Elaun Telefon** yang baharu adalah seperti di **Lampiran I**.

**Perkara 19**

Walau bagaimanapun, peraturan di Para 17 dan 18 Pekeliling Bendahari Bil.6/2016 tidak terpakai kepada penjawat atau pegawai berikut di mana mereka tetap layak dibekalkan talian A atau B walaupun telah melanggan Pakej Korporat Talian Mudah Alih iaitu.:

- a) Naib Canselor
- b) Ahli JPU
- c) Setiausaha/Pembantu Setiausaha kepada Naib Canselor, Ahli JPU, Ketua PTJ dan Timbalan Ketua PTJ

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka Perkara 6, 15, 16 dan 19, Pekeliling Bendahari Bil. 6/2016 bertarikh 1 September 2016 adalah dipinda sepertimana disebutkan di Para 3 di atas.

Sekian, terima kasih.

**"ILMU BUDI BAKTI"**

Saya yang menurut perintah

  
(HAJI AMRON BIN MAN)  
Bendahari  
Universiti Utara Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Fail Timbul

Lampiran I

**Jadual 2 – Kadar Elaun Telefon**

<b>Bil</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Elaun Telefon (RM)</b>
1	Naib Canselor	Tiada Elaun Telefon (bil dijelaskan sepenuhnya oleh universiti)
2	Ahli JPU	250.00
3	Gred Utama/Khas 'C' hingga A yang memegang jawatan Pentadbiran dan dibayar Elaun Pentadbiran	150.00
4	Dekan/Timbalan Dekan	
5	Pengarah/Ketua PTJ dan SBU	
6	Penyelaras/Lain-lain Jawatan Pentadbiran yang dibayar Elaun Pentadbiran	
7	Pengetua/Felo INASIS	
8	Pegawai Pentadbiran Gred 41 dan ke atas	
10	Pegawai Perhubungan Awam	
11	Pegawai Khas Naib Canselor	
12	Presiden Persatuan Kakitangan (PERSATU, PERPATI, SETIA dan KESKA)	
13	Setiausaha/Pembantu Setiausaha kepada Ketua Pusat Tanggungjawab dan Timbalan Ketua Pusat Tanggungjawab	
14	Pengawal Keselamatan di Unit Siasatan	80.00
15	Pemandu Kereta Rasmi Jabatan	50.00